

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

---

**PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN**

**DARIPADA : TUAN NIK MOHAMAD ABDUH BIN  
NIK ABDUL AZIZ [BACHOK]**

**SOALAN**

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan data dan statistik terkini para belia yang mendapat manfaat daripada inisiatif **PENJANA** yang dikelolai oleh KBS seperti MyGig Service, MyGig Digital Freelance dan program Skim Perantisan Nasional.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

1. KBS telah merancang dan melaksanakan program melalui inisiatif pasca COVID-19 dengan kerjasama agensi dan kementerian yang memfokuskan kepada belia seperti berikut:

- (i) **Program myGIG** bertujuan meningkatkan keterlibatan belia untuk bekerja dalam ekonomi gig bagi menjana pendapatan sama ada secara sambilan atau kekal sekali gus membantu belia yang terkesan akibat penularan wabak COVID-19. Terdapat dua (2) program utama di bawah kluster program myGIG iaitu **myGIG Servis** dan **myGIG Digital Freelance**. Kedua-dua program ini dijangka akan memberi manfaat kepada 2,000 orang golongan belia berumur 18-40 tahun pada tahun 2020.

- a) **myGIG Servis** menyediakan peluang kepada belia untuk menjana pendapatan dengan menawarkan perkhidmatan di platform-platform atas talian seperti *FoodPanda, Grab, Lalamove* dan sebagainya. myGIG Servis dijalankan dengan kerjasama MDEC menggunakan platform sedia ada eRezeki. Sehingga 30 November 2020, **seramai 1,250 orang** telah berdaftar dan menyertai program ini.
- b) **myGIG Digital Freelance** menyediakan peluang kepada belia yang memiliki beberapa kemahiran tertentu yang terkesan akibat penularan wabak COVID-19 untuk mendapat kerja atas talian seperti *copywriting, data entry, recruiting, content writer, web designing* dan sebagainya. myGIG *Digital Freelance* dijalankan dengan kerjasama MDEC menggunakan platform sedia ada GLOW. Peserta yang menyertai program ini akan diberikan latihan selama dua hari dan kemudiannya peserta akan mula melakukan *project bidding* di Upwork.com & Freelancer.com dengan bimbingan *trainer* dari MDEC. Sehingga 30 November 2020, **seramai 1,051 orang peserta** telah berdaftar dan menyertai program ini.
- (ii) Program Skim Perantisan Nasional (SPN) merupakan program tawaran baharu Kolaborasi Rentas Kementerian bagi memberi pengalaman bekerja melalui jaminan pekerjaan oleh syarikat/organisasi yang terlibat dan membantu melonjakkan kebolehpasaran belia pasca COVID-19. Program ini melibatkan penempatan latihan perantisan selama 6 bulan. Perantis akan ditempatkan di syarikat mengikut keperluan bidang kerja dan kemahiran yang diperlukan oleh syarikat tersebut. Sepanjang tempoh penempatan selama 6 bulan ini,

**NO. SOALAN : 325**

perantis akan mengikuti latihan kemahiran *soft skill* yang dikendalikan oleh penyedia latihan secara berkala. Latihan *soft skill* ini mensasarkan peningkatan modal insan dan profail perantis. Latihan-latihan yang disediakan meliputi perkara-perkara berikut:

- a) Kemahiran sosial (Pengucapan awam dan Teknik Penulisan).
  - b) Proses *Skills* (Kemahiran Negosiasi).
  - c) Kemahiran generik (Pemikiran kritis dan kemahiran menyelesaikan masalah).
- (iii) Sehingga 30 November 2020, statistik data SPN adalah seperti berikut :

<b>Jumlah permohonan keseluruhan perantis SPN</b>	2,636 orang
<b>Jumlah Syarikat dan <i>Training Provider</i></b>	65 syarikat 3 <i>training provider</i>
<b>Jumlah latihan dan penempatan</b>	773 orang
<b>Jumlah kekosongan jawatan yang ditawarkan oleh Syarikat dan <i>Training Provider</i></b>	633 kekosongan

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : TUAN NIK MOHAMAD ABDUH BIN NIK ABDUL  
AZIZ [ BACHOK ]**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan statistik terkini guru-guru yang berjaya dalam permohonan penukaran daerah dan negeri mengajar terutamanya berkaitan negeri Sabah dan Sarawak sejak tahun 2016.

**JAWAPAN**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Permohonan pertukaran guru dibuka sekali setiap tahun melalui aplikasi atas talian e-GTukar. Permohonan ini adalah bagi dua sesi pertukaran iaitu Jun tahun semasa dan Januari tahun berikutnya. Bermula pada tahun 2017, beberapa penambahbaikan terhadap aplikasi e-GTukar telah dilaksanakan bagi memastikan permohonan dan kelulusan pertukaran guru berjalan dengan lebih lancar. Antara penambahbaikan yang dilaksanakan adalah:

- (a) Sistem *traffic light* untuk memaklumkan kepada pemohon mengenai kekosongan perjawatan dan opsiyen berdasarkan keperluan guru di peringkat negeri dan daerah yang dimohon.
- (b) Kaedah pertukaran guru secara padanan keperluan opsiyen melalui modul e-GTukar. Dengan kaedah ini, permohonan akan dipadankan

secara automatik bagi membolehkan pihak KPM membuat penilaian selanjutnya.

- (c) Tawaran pertukaran pasangan guru ke negeri yang mempunyai kekosongan.

Secara dasarnya, kelulusan pertukaran guru dilaksanakan dengan mengambil kira tiga perkara utama iaitu keperluan perkhidmatan, kekosongan jawatan dan keperluan opsyen di negeri atau daerah yang dimohon. Sejumlah 3,868 orang guru dari Sabah dan 4,245 orang guru telah berjaya dalam permohonan pertukaran antara negeri, antara daerah dan dalam daerah dari tahun 2016 hingga Januari 2020. Perincian bagi pertukaran tersebut adalah seperti berikut:

<b>Bil.</b>	<b>Tahun</b>	<b>Sabah</b>	<b>Sarawak</b>
1	2020	465	584
2	2019	885	887
3	2018	679	745
4	2017	935	1028
5	2016	904	1001
<b>JUMLAH</b>		<b>3868</b>	<b>4245</b>

Sekian.